

04/10/2003

Gangguan maklumat lapuk jejas pelaburan

Zainudin Isa

PENDEDAHAN bahawa ada halaman internet milik jabatan dan agensi kerajaan yang tidak dikemaskini atau ibarat 'hidup segan mati tak mahu' sering dilaporkan media.

Sikap acuh tidak acuh ini ternyata amat memalukan memandangkan kita adalah di antara negara terawal menyediakan prasarana dan keperluan lengkap kepada masyarakat dalam menerima arus ledakan teknologi maklumat.

Justeru, apabila akhbar ini mendedahkan beberapa halaman web milik agensi kerajaan Pahang tidak dikemas kini dengan sesetengahnya sudah lapuk, mengundang pelbagai persoalan serta reaksi kurang menyenangkan.

Paling mendapat perhatian ialah halaman web milik Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP), disusuli Institut Kemajuan Iktisas Negeri Pahang (Ikip) - institusi pendidikan di bawah payung Yayasan Pahang - sehingga mendapat teguran Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob.

Meskipun Adnan tidak melenting seperti sering ditunjukkannya ketika berdepan dengan isu politik pembangkang, tegurannya agar semua agensi kerajaan melihat semula halaman internet masing-masing dianggap satu arahan yang perlu disegerakan.

Mengambil contoh PKNP, penulis beranggapan agensi ini paling penting kerana ia agensi barisan depan dalam 'menjual' Pahang di kalangan pelabur luar dan asing. Apatah lagi, moto korporat atau wawasan agensi ini seperti tertera dalam laman webnya ialah menjadi satu konglomerat dan pemangkin dalam memacu pertumbuhan ekonomi Pahang.

Namun, apabila melayari halaman webnya sebelum ini (kini sudah dikemas kini sebaik laporannya tersiar dalam akhbar), ia amat mengecewakan, malah tidak menggambarkan suasana ekonomi dan pelaburan terkini di negeri ini.

Kandungannya bukan saja mempunyai maklumat lapuk, malah beberapa ejaan dan tata bahasanya (dalam bahasa Inggeris) mempunyai kesalahan serta kelemahan ketara.

Tanpa ingin menjatuhkan imej agensi terbabit, pendedahan yang dilakukan akhbar ini tidak sepatutnya disalah ertikan.

Jika Adnan sebagai ketua kepemimpinan negeri, malah selaku pengerusi kedua-dua agensi ini dapat menerimanya dengan positif, mengapa ada segelintir pegawai PKNP melenting, emosional dan mempertikaikan kewajaran laporan itu.

Apa yang menyedihkan, pegawai terbabit yang menghubungi penulis dengan nada kurang enak antaranya menyatakan hanya penulis saja yang 'lebih sibuk', sedangkan beribu pelanggan lain yang melayari halaman itu kononnya tidak pernah mencemuh.

Apakah bukti kononnya tiada pelanggan halaman itu tidak pernah mengkritik halaman internet berkenaan? Barangkali ada, tapi kritikan atau kekecewaan mereka itu mungkin tidak sampai ke saluran yang betul.

Malah, alasan pegawai terbabit bahawa halaman internet agensi itu tidak dikemas kini kerana 'tiada apa-apa perubahan besar' dalam aktiviti pelaburan di Pahang sejak beberapa tahun ini, agak sukar diterima.

Apakah tiada langsung pelabur baru sejak kali terakhir kedatangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang merasmikan kilang BASF Petronas Chemical Sdn Bhd (BPC) berharga RM3.4 bilion, di Kawasan Perindustrian Gebeng pada 4 Oktober 2001?

Mengapa pegawai terbabit tidak dari awal lagi mengakui sememangnya wujud kelemahan teknikal membabitkan unit komputer di PKNP sendiri yang bertanggungjawab menyelenggara halaman webnya.

Jadi, siapa yang melakukan kesilapan di sini dan siapa pula akhirnya membuka pekung di dada sendiri?

Bayangkanlah bagaimana pelabur di Amerika Syarikat atau Eropah yang mungkin berminat datang ke negeri ini, tetapi bila melayari halaman internet agensi berkaitan, mereka secara spontan menukar fikiran.

Justeru, janganlah `gangguan maklumat' seperti wujudnya laman web yang lapuk ini sebagai nila setitik rosak susu sebelanga.

Dalam konteks melapor sesuatu kepincangan atau kelemahan ini, masih segar ingatan penulis terhadap kata-kata Adnan sebelum ini iaitu, akhbar boleh mengkritik apa saja kelemahan kerajaan negeri dan agensinya.

Tapi kata Adnan, akhbar juga mesti bersedia melaporkan reaksi atau penjelasan terhadap sesuatu kritikan daripada agensi berkenaan.

Sayangnya, kata-kata pegawai terbabit hanya sekadar meluahkan emosinya saja kerana sehingga hari ini, tiada sebarang kenyataan media atau sidang akhbar dari agensi itu.

Perlu diingat akhbar dan wartawan mempunyai etika tertentu sebelum membuat sesuatu laporan dan kesahihan adalah kriteria utama.

Apapun, hakikat yang harus diterima hari ini ialah internet semakin bertapak dalam kehidupan harian masyarakat sebagai satu-satunya media terpantas dalam menyalurkan maklumat.

Adalah malang jika antara kita berasa gah meletakkan diri sebagai masyarakat siber atau globalisasi, sedangkan fikiran dan tahap profesionalisme masih jauh terkebelakang.